



Kamariah Kamarudin. Pengarang asal Terengganu ini adalah penyelidik bersekutu di Institut Pengajian Sosial (IPSAS), Universiti Putra Malaysia.

Profil penulis

Pengarang kreatif dipelawa menghantar cerpen dan puisi ke halaman Sanggar Sastera, Kembara, BH Ahad melalui e-mel bhsastera@bh.com.my. Sertakan biodata, nombor kad pengenalan, alamat lengkap, nombor telefon, gambar yang jelas berukuran 2 megabait menggunakan sistem JPEG, nombor akaun Maybank atau CIMB. Cerpen tidak boleh melebihi 1,600 perkataan. Karya yang tidak disertakan nombor akaun bank tidak akan dibayar.

MEMBONGKAR PETA PATTANI

KALA menatap peta Pattani, air mata mama Zahra jatuh semahu-mahunya. Entah mengapa terjadinya demikian tidaklah diketahuinya. Peta itu baru sahaja diperolehnya daripada Baizura. Berminggu-minggu dia menunggu berita daripada sahabatnya.

Resah rusuh mendatangi saat Baizura tidak menjawab panggilan telefonnya. Gundah gulana menyapa kala Baizura tidak membalas mesej yang dihantarnya.

Pun, kesyukuran dipanjatkan kepada-Nya. Gundah gulana terungki akhirnya. Baizura diserang batuk, demam dan selsema. Seminggu terlantar di rumah sahaja.

Janjinya mahu mendapatkan peta, fakta dan kisah Pattani tersekat seketika. Khutubkhanah tempatnya membongkar susur galur ulama Pattani terhenti serta merta.

Sementelahan yang dinanti tidak tiba. Entah ke mana menghilang Redza, anak sulungnya. Rupa-rupanya bas yang dinaiki dari Terminal Bas Stesen Kuala Lumpur terlepas tarikhnya.

Aduhai Redza, pahlawan hatinya. Anak yang baru tumbuh menjadi remaja, dan menjar dewasa. Banyak yang wajar dipelajarinya.

Begitu yang tercatat dalam mesej kiriman Baizura kepadanya. Alasan yang dirangkai bersama-sama dengan ikon tanda maaf cukup mengubat hatinya yang rawan, dan kecewa. Kajian dan kerja penyelidikannya ini wajar disegera. Setelah tertangguh sekian lama. Kali ini tidak mahu menanggung lagi, dan menyebabkan mama Zahra berduka. Selagi nyawa masih ada, janjinya akan dilunasi demi salasilah keturunan keluarga mama Zahra nan tercinta.


Allah yang mengatur perjalanan hidup manusia, mohon berikan pengatur yang terbaik buat seisi keluarga. Demi Pattani, dia akan datang jua!

MENEROKA SALASILAH MOYANG DAUD

Dia tidak pernah menatap wajah moyang Daud yang sering dikisahkan dalam keluarga. Dia tidak pernah mengetahui susur galur moyang Daud walaupun acapkali disebut mama Zahra. Dia tidak pernah peduli kisah salasilah gemuloh Tok Wan Halimah yang dikasihinya mamanya. Dia langsung tidak memahaminya getir rindu yang bersarang dalam diri mamanya.

Dia langsung tidak mengerti gelora kasih yang bermukim dalam kalbu mamanya. Anak yang bagaimana dirinya?

Menyesal sekali. Kekesalan dirinya bertali. Baru kini dia memahaminya, dan mengerti. Getaran rindu yang terpendam dalam nubar. Pabila Tok Wan Halimah



KERANA PATTANI DAN MOYANG DAUD

pergi, dan tidak kembali. Pabila indahnya memori ditelan masa yang pantas berganti. Pabila munculnya peta Pattani. Pabila hadirnya catatan yang diungkap mama Zahra dan baba Zahid sebelum mereka memilih untuk menetap di Yaman dalam melunasi misi. Yang mereka pahatkan dalam nubar, dan tercatat dalam diari.

Moyang Daud yang dirindui. Tok Wan Halimah yang dikasihinya. Mama Zahra yang banyak mengasuh peribadi. Baba Zahid yang mencabar keupayaan diri. Dia terkontang-kanting kini. Mahu menagis tapi sebaknya bergumpal dalam dada yang membuatkan air matanya bertakung di birai. Dia mengulang baca catatan yang pernah diungkap mama Zahra setelah diari usang itu ditemui.

Emak yang dicintai sepenuh hati. Maafkan Zahra yang besar khilaf ini. Maaf kerana tidak dapat memenuhi hasrat emak untuk menyatukan Zahra dengan Hamidi. Maafkan diri ini yang telah memilih Zahid yang lebih serasi. Maafkan anak perempuan emak kerana tidak dapat menyambung silaturrahim antara ranah Darul Iman dengan Darul Naim

yang berkeluk rahsiannya untuk difahami. Namun percayalah emak yang dikasihinya. Bukan anak perempuan emak tidak sudi. Jauh sekali untuk tidak menghargai.

Segala pengorbanan cinta dan kasih sayang antara Darul Iman dengan Darul Naim yang mengharumkan kasih sayang merentas sempadan hari. Antara jejak Tok Ayah Daud dengan Tok Emak Lebar, anakmu pasti mencari. Usaha emak bimbang, dan ragu.

Jika anakmu tidak peduli, masa yang akan menghukum kami. Jika hasrat menjejak tidak kesampaian, pasti zuriat kami akan mengotakan janji. Emak yang dikasihinya dengan sepenuh jiwa raga, mohon restu doa nan kudus mewangi.

Dia membaca catatan yang tertera dalam diari. Milik mama Zahra yang bertarikh tahun 1970 masihi. Tatkala dia baru dilahirkan ke dunia ini. Kekesalannya bertali. Mengapa sehingga jarak masa ini, baharu dia mahu menjejaki?

Moyang Daud, Moyang Lebar, dan Tok Wan Halimah, kalian sangat bermakna dalam sanubari. Izinkan keturunanmu ini mencari. Mohon doa mama Zahra dan baba Zahid di bumi Yaman, ranah

kemasyhuran Rasulullah SAW yang menjadi qudwah hasanah umat hari ini.

MENYELONGKAR KISAH PATTANI

Rupa-rupanya Pattani telah dibahagi-bahagikan kepada tujuh negeri. Mengapa ia terjadi? Sungguh di luar pengetahuannya ini. Setahunya, 'Pattani' merupakan wilayah di Selatan Siam. Banyak khazanah silam terpahat dalam muzium peribadi tokoh-tokoh bestari. Suatu masa, Pattani terkenal sebagai lokasi yang menempatkan banyak sekolah pondok, dan madrasah yang melahirkan ulama dalam menyumbang bakti pada pertiwi.

Sosok agamawan yang akhirnya berhijrah ke ranah Darul Naim, Darul Iman malah ke Darul Makmur juga. Mereka menadahkan kitab di Mekah, dan pulang ke Pattani mendirikan pondok, dan madrasah untuk penyebaran agama. Beberapa tokoh tersohor, antaranya Syaikh Ahmad al-Fatani, Haji Sulong al-Fatani, dan ratusan lainnya. Saat kali pertama dia meneliti nama-nama ulama Pattani, rasa debarannya bermula. Entah mengapa. Dia membayangkan moyang Daud yang mama Zahra

sering kisahkan itu menjelma di hadapan matanya. Pernah dia ternampak seorang lelaki kakak berseberban dan berjubah putih mendatangnya kala menekuni bahan-bahan tentang Pattani yang diselongkar Khayra Kamillah, anak muda yang kental jiwa.

Pattani, sebuah Kerajaan Melayu Islam yang merdeka pada asal sejarahnya. Pattani merupakan salah satu wilayah di Selatan Thailand yang terbentuk hasil pemecahan Kerajaan Pattani. Wilayah-wilayah yang berdekatan adalah Narathiwat (Menara), Yala (Jala), dan Songkhla (Singgora). Masyarakat Melayu tempatan memanggil wilayah mereka sebagai Pattani Darussalam, atau Pattani Raya.

Mengikuti sejarah, Pattani tumpas dikalahkan tentera Siam pada 1785, dengan sarat kisah duka dan air mata. Pejuang agama tidak dapat mempertahankan kedaulatannya. Tiga simbol wajar dikenang kerana kehebatan Pattani adalah meriam, pokok cengal dan bunga raya. Meriam 'Sri Pattani' yang dibawa ke Bangkok dan dipamerkan di hadapan bangunan Kementerian Pertahanan yang diberi nama 'Phaya Tani' wajar dipedulikan anak muda.

Bunga raya dan pokok cengal juga merupakan simbol keistimewaan Pattani untuk diselongkar generasi sebagai teladan hari muka. Allah Ya Fattah Ya Razzak Ya Wahhab, mohon bukakan pintu rezeki untuk kami memahami selirat perjalanan kehidupan ini dengan mata hati, dan mata jiwa. Pattani, kan dia datang jua!

Lihat Muka 36

Dari Muka 35

MENELITI SALASILAH MOYANG DAUD

Gemuloh Moyang Daud lelaki perkasa. Gemuloh Moyang Daud memiliki karektor budiman nan bertakwa. Gemuloh Moyang Daud gigih berdagang dari Pattani ke Kelantan, dan akhirnya sampai di Terengganu berjodoh dengan Moyang Lebar nan rupawan wajahnya. Gemuloh Moyang Daud lelaki kakak, dan berkulit putih kuning kurniaan Yang Maha Esa.

Bagaimana Moyang Daud bertaut kasih dengan Moyang Lebar tidaklah dia ketahui lantaran Tok Wan Halimah tidak lanjut bercerita. Foto Moyang Daud berserban dengan jubah sedondon berwarna putih hanya diberikan kepada Tok Wan Halimah tatkala mendapat berita ayahandanya meninggal dunia di Mekah al-Mukarramah, kota tercinta.

Daripada lahir sehingga enam tahun usia. Tok Wan Halimah tidak pernah menatap wajah ayahandanya. Hanya foto menjadi peneman setia. Dan, wajahnya persis gemuloh Moyang Daud yang pergi meninggalkannya.

Dengan leher jenjang, bentuk badan langsing, hidung halus mancung dan kulit putih kuning yang dimilikinya membuatkan Tok Wan Halimah membesar sebagai gadis jelita. Sangat berbeza dengan Moyang Lebar yang memiliki sosok badan yang rontok, dan kulit hitam manis sahaja. Satu-satunya zuriat peninggalan Moyang Daud di ranah Darul Iman yang akan dikenang susur galur yang ada.

Satu-satunya anak perempuan yang memiliki sahiah mulia seumpama permata nan berharga. Tok Wan Halimah membesar sebagai gadis yang bijak dalam agama. Tok Wan Halimah membesar sebagai wanita yang menjadi guru al-Quran untuk penghuni kampungnya.

Dia menyaksikan puluhan murid Tok Wan Halimah berbaris menunggu giliran untuk menyambung al-Falaq, al-Nas, al-Khafirun seusai mahir menadabur al-Fatihah pada waktu Maghrib bermula.

Riuh rendah rumah Tok wan Halimah dengan gegak gempita anak-anak dalam lingkungan lima hingga lapan tahun usia. Asyik melihat ragam anak-anak comel mengenakan baju kurung dan berseleandang bagi perempuan, berbaju Melayu dan bersongkok bagi lelaki dengan senyuman nan bergula.

Di tengah-tengah keriuhan itu, entah mengapa dia terlihat Moyang Lebar ada bersama-sama, itu kisah kala musim remajanya. Itu kisah tatkala dia mengunjungi rumah Tok Wan Halimah di kampung ketika mama Zahra dan baba Zahid sibuk dengan urusan kerjayanya.

Sesekali pula Tok Wan Halimah mengajaknya bertadabur dengan anak-anak comel yang mengalunkan surah-surah pilihan nan indah bergema.

Moyang Daud nan tercinta. Tok Wan Halimah yang dirindui tanpa

ungkapan kata-kata. Dia menyesal, dan kecewa. Mengapa semasa hayat Tok Wan Halimah tidak bersungguh-sungguh meneroka kisah ayahandanya.

Hanya yang diketahui tentang Pattani. Kelantan, Terengganu dan Mekah al-Mukarramah sahaja. Selebihnya dia tidak membongkar kisah yang mengujakan untuk tatapan hari muka. Rugi sebenarnya. Amat rugi setelah diketahui kini susur galur keturunannya. Belum terlambat untuk bermula?

Moyang Daud, maafkan dia. Tok Wan Halimah, maafkan kekhilafan dia. Mama Zahra, dia mohon restu untuk meneroka. Baba Zahid, dia mohon doa yang seranumnya.

MERAPI KISAH PATTANI

Ada Jabatan Bahasa dan Pengajian Melayu di Universiti Pattani? Anak sulungnya terkejut bukan kepalang sambil mengurut-urut dada tanda sebak menghantui.

Minat yang mendalam sejak kecil yang terpamer dalam diri Khayra Kamillah tidak pernah dikhilangi. Barangkali darah pahlawan yang ada dalam diri merapi-rapi. Keistimewaan anaknya yang fasih berbahasa Melayu, Arab, Inggeris, Turkiye dan Perancis seringkali membuatnya sebak bertali. Tidak menyangka sama sekali. Kini, bahasa Siam yang mahu pelajari.

Pun, sejak kematian ibunya membuatkan minatnya terpendam, dan kegalauannya berganda. Ibunya, Profesor Dr Hajah Wahidah pergi semasa Khayra Kamillah berginjak 20 tahun usia. Tatkala gadis ini berkobar-kobar menyintai seni warisan dan budaya bangsa. Suaranya bergema lantang tatkala mendeklamasikan sajak pilihan ibunya.

Apakah hubungan antara Nusantara dengan bumi Arab, Uthmaniah, dan Pattani? Begitu soal cucu kesayangan mama Zahra dan baba Zahid setiap kali kami saling menghubungi. Dia tidak ada jawapan untuk diberikan kepada satu-satunya puteri.

Kalaupun ibunya masih ada, tentu wanita gigih itu akan berhujah, dan ilmunya akan dikongsi. Dia tahu wanita yang rajin menelaah itu sangat diseyangi, dan disayangi. Sama ada mahasiswa universiti, atau sanak saudara di sisi.

Hikayat Pattani. Pensejarahan Pattani. Melayu Islam-Pattani. Ketokohan dan Keilmuan Ulama Pattani. Perjuangan Muslim Pattani. Bangsa Agong. Koleksi Sejarah Melayu Pattani. Tarikh Melayu Pattani: Himpunan Kitab Mengenai Sejarah Awal Pattani. Ulama Besar dari Pattani.

Senarai panjang buku-buku tentang kisah Pattani terdapat dalam simpanan wanita yang dikenali sejak di kampus lagi.

Ibu kepada Khayra Kamillah yang memperkenalkannya dengan kisah Pattani. Sejak awal fahamannya tentang nama Pattani, dia sebenarnya tidak pernah sedikit pun jatuh hati.

Tetapi, wanita yang menjadi ibu kepada satu-satunya puteri yang disayangi telah pergi. Wahidah Wahid yang disayangi telah

mengajarnya tentang merapi kisah Pattani. Namun, wanita yang dikasihinya itu telah terlebih dahulu bertemu Ilahi. Rabb, sebegitu cintanya kepada gemuloh isteri, maka kasihnya Tuhan kepada hamba-Nya lebih besar lagi.

KISAH PATTANI DAN SALASILAH MOYANG DAUD

Sungguh, indahnya percutian yang dihadiahkan Allah. Rupa-rupanya Baizura mempunyai susur galur keturunan moyang Daud yang dicari selama ini. Rupa-rupanya wanita yang dikenali lewat pertemuan perhimpunan belia di Universitas Jogjakarta tempohari bukanlah orang asing dalam salasilah keturunan moyang Daud yang hangat darah pejuangnya memakmur bumi.

Moyang Daud moyang diri ini. Moyang Yusof moyang Baizura, sahabat yang baharu dikenali. Penyelidikan menemukan kami. Rupa-rupanya Moyang Daud dengan Moyang Yusof merupakan saudara sepupu dari galur Pattani. Tuhan, betapa dia, Baizura, Khayra Kamillah, dan Redza Shah rupa-rupanya ada titisan darah yang terpatri.

Dia anak lelaki sulung mama Zahra, dan baba Zahid pasangan serasi sejak di universiti. Dia anak lelaki tunggal dalam keluarga yang sederhana jumlah ahli.

Dia anak ranah kelahiran Yaman tempat kedua-dua orang tuanya melakukan penyelidikan daripada geran institusi Islami.

Bertemu akhirnya jurai keturun Moyang Daud, dan Moyang Yusof sebagai saudara yang membawa ranah Darul Naim, dan ranah Darul Iman menggalur silaturrahmi.

Maafkan dirinya Moyang Daud, puseranya di Mekah al-Mukarramah yang bakal dijejaki. Maafkan dirinya Tok Wan Halimah yang tidak pernah menatap wajah seorang ayah sejak kecil sehingga pulang bertemu Ilahi. Maafkan dirinya mama Zahra dan baba Zahid yang membangun jiwanya sepanjang menyudahkan pengajian sarjana di Makassar yang berselirat fakta, dan bersiponggang hati.

Baizura, maafkan kami kerana tidak memperkenalkan anak sulung, Khayra Kamillah yang kini menjadi penyelidik di Pattani. Cucu mama Zahra dan baba Zahid rupanya mahu mengekor perjuangan ibunya yang telah pulang terlebih dahulu ke kampung abadi.

Tidak pernah dia menyangka hal sebegini. Begitu Allah mengatur perjalanan ini. Begitu Allah melapangkan pencarian ini. Sangat menguji seluruh kekuatan diri. Kala Pattani didatangi, wanita yang dikasihinya telah tiada di sisi.

Sangat menyayat hati kala kisah Pattani ditakluki, wanita yang dicintai berada di alam barzakh kini. Profesor Dr Haji Khairul Kamil Ziyad Zahid, namanya dipanggil, dan diulang tali temali.

Kami akan ke Mekah al-Mukarramah, dan akan ke Yaman jua nanti. Zikir Ratih al-Haddad yang disusun Habib Abdullah Alwi al-Haddad bergema dalam sanubari. Rabb, kami datang, dan sungguh merindui!